

MAJLIS PERASMIAN SMK DESA MURNI

23/04/2013

SMK DESA MURNI, SG. DUA, BUTTERWORTH, PULAU PINANG

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perasmian SMK Desa Murni, Sungai Dua, Butterworth, Pulau Pinang di petang yang meriah ini. Pertamanya, saya ingin melahirkan perasaan gembira kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan pada petang ini, dan di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya ke majlis pada petang ini.

TRANSFORMASI PENDIDIKAN

2. Pembangunan generasi yang cemerlang, berilmu pengetahuan, berkemahiran dan memiliki sahsiah yang tinggi merupakan agenda penting negara. Oleh itu, Kerajaan sedaya upaya berusaha untuk menyediakan kemudahan dan prasarana pendidikan yang terbaik dan boleh diakses oleh semua tanpa mengira kaum, etnik, agama dan bangsa.
3. Langkah ini adalah untuk memastikan sistem pendidikan negara menuju ke arah yang lebih berkualiti, agar modal insan yang kita bina dan jana dapat memenuhi kehendak dan tuntutan semasa.
4. Namun, apa yang paling penting adalah penjana modal insan itu sendiri agar menjadi cemerlang, sentiasa mengamalkan nilai moral serta etika yang tinggi, berlandaskan kepada Dasar dan Falsafah pendidikan negara itu sendiri.
5. Justeru, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang diperkenalkan dan telahpun bermula pada tahun ini sehingga 2025, proses transformasi di bawah 1Agenda pendidikan negara dilaksanakan demi untuk memenuhi keperluan pembangunan modal insan negara.
6. Dalam memastikan matlamat ini dapat dicapai, PPPM melalui Anjakan 6 telah menggariskan bahawa semua sekolah di seluruh negara akan dipastikan dilengkapi keperluan infrastruktur asas yang sebaik mungkin. Dalam konteks ini, setiap sekolah di Malaysia akan dipastikan mempunyai infrastruktur asas yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang selamat, bersih dan kondusif.
7. Ini kerana kita sedar bahawa sekolah merupakan institusi masyarakat yang penting dan mempunyai peranan yang lebih besar kerana sekolah bukan sahaja tempat untuk menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna, tetapi gedung bagi menyemai nilai-nilai murni yang diterima masyarakat serta sebagai institusi untuk menyemarak semangat perpaduan nasional.

Biarpun sekolah yang berada di bandar dengan ratusan dan ribuan jumlah muridnya berbanding dengan sekolah di pedalaman yang kecil bilangan muridnya, namun, keperluannya tetap sama.

8. Oleh itu, kita berharap agar perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan ini, ditambah pula dengan sokongan padu semua pihak, keperluan murid boleh disediakan secukupnya, dan prestasi mereka dan sekolah dapat dilonjakkan ke tahap yang lebih baik dan cemerlang.

CABARAN PENDIDIKAN

9. Proses menyediakan pendidikan yang menyeluruh dan seimbang, sebenarnya menjadi cabaran paling besar bagi sesebuah Negara. Namun, faktor penentu kejayaan sesuatu sistem pendidikan itu sebenarnya terletak ditangan murid itu sendiri, para pendidik dan kepimpinan sekolah, yang seterusnya akan menentukan hala tuju dan masa depan mereka.

10. Sebaik manapun prasarana yang disediakan, tetapi tidak dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh penggunanya, maka sudah pasti hasilnya tidak ke mana. Oleh itu, adalah amat penting bagi semua pihak khususnya kepimpinan sekolah dan guru-guru terus berusaha meningkatkan lagi kualiti pendidikan agar keberhasilan pendidikan atau outcomes pendidikan itu sendiri mencapai standard yang terbaik atau sekurang-kurangnya setanding dengan Negara maju yang lain.

11. Ini termasuklah meningkatkan usaha untuk memperluaskan peluang memperoleh pendidikan yang lebih mudah di mana sahaja kita berada dan sama rata kepada semua rakyat. Ini selaras dengan gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, bahawa tiada pihak atau kumpulan yang akan dipinggirkan untuk mendapat pendidikan yang berkualiti di negara ini. Oleh kerana itulah, Kerajaan telah menjadikan pendidikan yang berkualiti sebagai salah satu komponen utama bagi Program Transformasi Kerajaan (GTP), yang bermatlamatkan untuk meningkatkan lagi akses pendidikan berkualiti di seluruh Negara.

Komitmen Kerajaan Terhadap Bidang Pendidikan

12. Bidang pendidikan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan. Setiap tahun Kerajaan telah menyediakan tidak kurang daripada 16 peratus daripada belanjawan tahunan Kerajaan untuk pendidikan, yang merangkumi tiga aspek penting iaitu pembangunan prasarana pendidikan, bantuan pendidikan dan latihan untuk pembangunan profesionalisme warga pendidik.

13. Pada tahun 2013 sahaja, sebanyak RM36.6 billion telah diperuntukkan bagi belanja mengurus dan RM 2.12 billion bagi tujuan pembangunan prasarana sekolah di seluruh Negara. Ini tidak termasuk peruntukan khas sebanyak RM 900 Juta bagi Tabung Khas Pembinaan, penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah di seluruh negara.

Kecemerlangan Pendidikan

14. Matlamat pendidikan sebenarnya amat mudah untuk diucapkan iaitu untuk melahirkan insan cemerlang yang seimbang, namun hakikatnya amat sukar untuk dilaksanakan. Ianya tidak seharusnya diletakkan ditangan pihak sekolah semata-mata. Justeru, matlamat hanya boleh

berjaya dicapai cemerlang melalui kerjasama dan persefahaman dari semua pihak terutamanya ibu bapa, pemimpin tempatan dan semua ahli masyarakat.

15. Oleh kerana itu, KPM melalui PPPM telah memperkenalkan Sarana Ibu Bapa yang bertujuan untuk membantu ibubapa memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan dalam pembangunan pendidikan anak-anak mereka.

16. Untuk itu, tiga (3) perkara telah dikenalpasti untuk dilaksanakan bersama oleh ibu bapa dan guru bagi melahirkan pelajar cemerlang iaitu menyemai disiplin dan adab (spiritual), membangunkan keperibadian mulia (positive character) dan menggilap potensi dan daya intelektual (intellectual). Ketiga-tiga perkara ini adalah tonggak atau teras utama pendidikan (The three pillars of education) kerana pembentukan anak bangsa bermula apabila anak-anak kita mula melangkah kaki ke sekolah.

17. Saya menaruh keyakinan bahawa semua warga pendidik dan ahli masyarakat kawasan ini khususnya mampu memainkan peranan dan bersama-sama menyumbang dalam pembangunan modal insan ke arah yang lebih cemerlang. Oleh itu, saya sekali lagi menyeru, agar marilah kita bersama-sama bergading bahu untuk merealisasikan harapan dan impian bagi menjadikan sistem pendidikan kita berada di tahap yang terbaik di rantau ini.

18. Sebelum saya mengundur diri, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan majlis ini. Maka, dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan SMK Desa Murni, Sungai Dua, Butterworth, Pulau Pinang.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum w.b.t.

Terima kasih.